



SYARAT PERMOHONAN

JAWATAN	:	PEGAWAI PERTANIAN
GREED	:	G9 (TETAP/KONTRAK)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERTANIAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c) Kelayakan akademik berikut:
 - i. Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian dalam bidang Kimia, Biokimia, Pertanian, Hortikultur, Bioindustri, Bioteknologi, Perniagaan Tani, Pengeluaran Makanan, Teknologi Makanan, Teknologi Pertanian, Agroteknologi atau bidang berkaitan atau Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G9: RM2,580.00) atau;
 - ii. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Pertanian atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G9: RM2,690.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred G9 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- a) memenuhi tempoh percubaan;
- b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN
POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED
G10**

10. Pegawai Pertanian Gred G9 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pertanian Gred G10 yang kosong apabila telah:

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
- b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.